

Bayar penuh RM30,850 kerana anggap ibadah itu mengikut kemampuan

69 jemaah B40, M40 tolak subsidi haji



**Seruan
Baitullah**

Bersama
**MOHD. TURMADZI
MADUN**

MEKAH — Seramai 69 jemaah haji menolak untuk diberi bantuan sebaliknya membuat pembayaran penuh RM30,850 kerana mempunyai kesedaran bahawa asas kewajipan haji ialah istito'ah atau kemampuan dari segi kewangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, mereka yang dipilih mengerjakan haji selepas membuat rayuan tidak sepatutnya mempersoalkan mengenai bayaran penuh yang dikenakan.

Katanya, ia ekoran mereka telah memotong barisan dan ada yang menerima bantuan kewangan sedangkan masih ada tujuh juta lagi sedang menunggu giliran dipilih mengerjakan haji.

"Kita sentiasa terbuka untuk menerima cadangan dan tidak tolak begitu sahaja. Apa



MOHD. NA'IM berucap pada majlis pertemuan dengan jemaah haji Malaysia di Abraj Al-Janadriyah, Mekah semalam.

yang dipersoalkan oleh jemaah telah dijawab dengan sebaiknya dengan memberi pencerahan mengikut apa yang ditetapkan oleh Tabung Haji (TH).

"Perayu yang dapat mengerjakan haji sepatutnya bersyukur

kerana ada lagi 60,000 orang yang menunggu dan sanggup untuk membuat pembayaran penuh asalkan mereka dapat ke Tanah Suci," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Na'im me-

ngadakan pertemuan dengan para jemaah ketika membuat lawatan ke Ibu Pejabat TH di Abraj Al-Janadriyah di sini.

Dalam pertemuan tersebut, Mohd. Na'im turut menitipkan pesanan kepada jemaah supaya

menjaga kesihatan ketika cuaca panas di Tanah Suci terutama ketika operasi Masyair.

Ketika sesi soal jawab, seorang jemaah wanita telah menanyakan kepada beliau mengenai golongan B40 dan M40 yang perlu membuat pembayaran penuh selepas rayuan mereka diluluskan.

Semakan di dalam aplikasi THijari bahagian rayuan haji mendapat terdapat syarat No.12 memberitahu mereka yang berjaya akan qikenakan bayaran penuh RM30,850.

Menurut Mohd. Na'im, kesemua 69 jemaah itu merupakan golongan B40 dan M40 yang tahu bahawa asas kewajipan haji ialah istito'ah iaitu kemampuan daripada segi kewangan.

Tambahnya, terdapat 400 jemaah yang membayar antara RM1,000 sehingga RM12,000 walaupun mereka layak untuk mendapat bantuan keseluruhan.

Dalam pada itu, Mohd. Na'im memberitahu, kesemua jemaah haji telah berada di Mekah dengan penerbangan terakhir ke-98 membawa 357 jemaah telah selamat tiba pada pukul 9.10 malam⁺ tadi di Jeddah.